

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)51

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

51. Apakah solusi yang disediakan oleh kerajaan bagi membendung gerai dan penjaja di bahu jalan?
- (a) Apakah cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menyokong dan membantu meningkatkan pendapatan penjaja dan perniagaan kecil tempatan?
 - (b) Apakah langkah paling berkesan untuk membantu penjaja tepi jalan bertahan dalam ekonomi yang mencabar?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

51. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi membendung gerai dan penjaja di bahu jalan:

- (i) Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang serta operasi pemantauan berjadual;

- (ii) Menyediakan tapak alternatif seperti pasar malam dan medan selera bagi penjaja berlesen;
 - (iii) Membuka peluang bagi menyewa ruang gerai di pasar, kompleks dan tapak penjaja secara permohonan terbuka yang dilaksanakan pada setiap bulan;
 - (iv) Memudahkan cara permohonan lesen perniagaan di atas tanah persendirian;
 - (v) Mewujudkan lesen berkonsepkan perniagaan semasa iaitu menggunakan trak bergerak; dan
 - (vi) Meluluskan penganjuran pasar malam yang baharu bagi memberi ruang kepada golongan penjaja baharu.
- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak PBT dan pelbagai agensi sentiasa komited dalam menyokong penjaja dan perniagaan kecil tempatan melalui pelbagai inisiatif dan kemudahan seperti berikut:

- (i) Menyediakan kaedah permohonan lesen yang lebih mudah dan mesra pengguna secara atas talian yang membolehkan kelulusan segera diberikan kepada pemohon yang memenuhi syarat. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan urusan penjaja untuk berniaga secara sah, malah menggalakkan lebih ramai usahawan kecil menceburi bidang perniagaan secara teratur dan sah dari segi perundangan;
- (ii) Meneruskan inisiatif Skim Pinjaman Harapan (SPH) melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bertujuan membantu mewujudkan dana modal tambahan kepada penjaja dan peniaga kecil dengan tawaran pinjaman bermula daripada RM5,000.00 hingga RM50,000.00 maksimum;
- (iii) Melaksanakan latihan dan bimbingan melalui Program seperti Kursus *Business Model Canvas*, Kursus Kewangan, dan TikTok untuk Perniagaan melalui pelbagai agensi

usahawan bagi membantu peniaga meningkatkan kemahiran dan daya saing dalam perniagaan; dan

- (iv) Menyertai penganjuran Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang dilaksanakan pada tahun 2024 di PICCA Butterworth Arena, Pulau Pinang sebagai tanda sokongan kepada penjaja dan peniaga kecil.

- (b) Antara langkah untuk membantu penjaja di tepi jalan bertahan dengan ekonomi yang mencabar adalah seperti berikut:

- (i) Memberikan kemudahan dan pilihan kepada para penjaja mengikut perkembangan arus semasa seperti jualan secara atas talian dan bayaran secara transaksi atas talian;

- (ii) Menyediakan tapak berniaga secara berpusat melalui penganjuran di lokasi yang bersesuaian dan menjadi tumpuan orang ramai bagi memastikan penjaja mempunyai tempat berniaga yang lebih tersusun dan selamat serta mampu menarik lebih ramai pelanggan, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Ia juga memudahkan pemantauan oleh PBT serta membantu mewujudkan suasana perniagaan yang lebih teratur dan mesra pengguna.